TABUNG HAJI

MINGGU 08

AURAT, IZIN SUAMI, TAHARAH DAN SOLAT

Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

1. Mengetahui had aurat lelaki dan perempuan.
2. Memahami maksud keizinan suami.
3. Mengetahui kaedah istinjak dan wuduk.
4. Mengetahui syarat, rukun dan perkara-perkara yang membatalkan solat.

ISI KANDUNGAN

1. **Permasalahan Berkaitan Dengan Aurat**
2. **Keizinan Suami**
3. **Taharah, Istinjak dan Wuduk**
4. **Solat Fardhu dan Solat Sunat di Tanah Suci**
   - Solat Jenazah
   - Solat Jumaat
   - Solat Jama' dan Qasar

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ٢٦

"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)."

Surah al-A'raf: ayat 26

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Pendapat Mazhab Syafi'e

Aurat Dalam Solat dan Luar Solat

Aurat wanita ialah seluruh badan kecuali muka, bahagian belakang tangan dan telapaknya.

وَلَا يُبْدِيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا . . .

...dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. (Surah an-Nur: ayat 31)

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Sabda Rasulullah S.A.W.:

لَا يَقْبَلُ صَلَاةَ امْرَأَةٍ قَدْ حَاضَتْ إِلَّا بِخِمَارٍ

“Tidak diterima solat wanita haid (wanita yang telah baligh) kecuali dengan memakai khimar (pakaian yang menutup aurat dari atas kepala hingga ke kaki).”

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Tebal dan tidak jarang:

- Kain tebal yang boleh menyembunyikan warna kulit dan yang menampakkan sifatnya.


Pendapat Imam Syafi'e:

- Syarat penutup aurat ialah yang tidak menampakkan warna kulit.



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Syarat-syarat Pakaian Wanita



Menampakkan muka sahaja

Menutup bawah dagu

Melabuhkan tudung menutupi dada

Pakaian tebal, longgar dan tidak menyerupai lelaki

Menutup hingga ke pergelangan tangan

Memakai stoking

NOTA

Sekiranya ingin memakai pakaian berwarna cerah, pastikan tebal dan tidak menampakkan bentuk badan.


PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita



Contoh penutupan aurat yang sempurna

- Tudung mestilah labuh, tidak jarang dan menutup dada
- Baju mesti labuh dan longgar
- Lengan baju panjang hingga ke pergelangan tangan
- Kain/ seluar mesti panjang sehingga ke buku lali
- Mesti memakai sarung kaki (tidak menampakkan kulit/ kuku)
- Kasut yang tidak berbunyi kuat



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Aurat Wanita Semasa Tawaf




1. Menutup aurat adalah syarat sah Tawaf.
2. Sekiranya terbuka aurat secara sengaja, maka terbatal pusingan Tawaf tersebut.
3. Sekiranya terbuka dan segera ditutup, tidak dianggap terbuka aurat, maka pusingan tersebut tidak batal.
4. Sebelum Tawaf pastikan aurat tertutup dengan baik.
5. Ketika isyarat atau istilam:
   - Tangan di dalam kain telekung.
   - Memakai sarung lengan.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Aurat Wanita Semasa Tawaf



Beberapa perkara yang perlu diambil berat seperti berikut:


1. Bawah dagu adalah aurat, pastikan ditutup.
2. Bahagian tangan (selain tapak tangan hadapan dan belakang) adalah aurat, pastikan ditutup.
3. Digalakkan memakai stoking tebal supaya menutup aurat.
4. Berhati-hati agar tidak kelihatan anak rambut di kawasan muka atau telinga sekiranya memakai kaca mata.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Aurat Wanita Semasa Sa'ie

1. Menutup aurat tidak menjadi syarat sah Sa'ie.
2. Walau bagaimanapun berdosa jika aurat terbuka dan dilihat oleh lelaki ajnabi seperti dalam situasi berikut:
   - Semasa gunting rambut untuk bertahallul.
   - Elak dari memakai stoking yang nipis.



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Wanita

Aurat Wanita Ketika Dalam Ihram



1. Batas aurat wanita bersama mahram di dalam bilik hotel, bilik air (hotel, Arafah dan Mina) serta di dalam khemah di Arafah dan Mina adalah di antara pusat hingga lutut. Walau bagaimanapun, memakai pakai sopan adalah lebih baik.

2. Aurat wanita bersama suami ialah tiada batasan.

3. Aurat wanita bersama lelaki ajnabi ialah keseluruhan tubuh kecuali muka dan tangan hingga pergelangan tangan.

PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Lelaki


Ketika solat: Hadnya antara pusat dan lutut. Pusat dan lutut termasuk dalam aurat.

Sabda Rasulullah S.A.W.:

عَوْرَةُ الْمُؤْمِنِ مَا بَيْنَ سُرَّتِهِ إِلَى رُكْبَتِهِ

"Aurat seorang mukmin (dalam solat) antara pusat dan lutut."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)



PERMASALAHAN BERKAITAN DENGAN AURAT

Aurat – Lelaki



PERINGATAN

1. Sebaik-baiknya memakai ihram dari rumah, stesen berlepas (Tanah Air) atau hotel (Madinah).

2. Tidak disunatkan beridhtiba', **KECUALI** ketika tawaf yang diikuti dengan sa'ie selepasnya.

3. Sila berurusan di luar bilik bagi jemaah haji berlainan jantina (walaupun untuk bertemu suami atau isteri).

KEIZINAN SUAMI

KEIZINAN SUAMI

Setiap wanita yang akan bermusafir perlu mendapat keizinan dari suaminya.

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خُمُسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَّنَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شَاءَتْ

"Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), mengawal kemaluannya (maruahnya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki."


[Riwayat Ibnu Hibban, no. Hadis (4163), 471/9]

KEIZINAN SUAMI

Isteri yang ingin mengerjakan Haji tanpa ditemani suami, perlu mendapat:

IZIN SUAMI

- **HAJI WAJIB**
- **HAJI NAZAR & HAJI QADA'**
- **HAJI SUNAT**



NOTA Umrah juga tertakluk kepada hukum ini.

KEIZINAN SUAMI

Wanita Yang Berkahwin

Jika tiada keizinan suami, mereka perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- **Ada mahram yang menemaninya.**
- **Yakin aman dalam perjalanan.**
- **Perbelanjaan selama perjalanan adalah tanggungan sendiri:**
  - **Tidak menggunakan harta suaminya; dan**
  - **Suami tidak "memerlukannya" selama ia pergi.**

NOTA **Haji yang dikerjakan tanpa izin suami, hajinya sah tapi berdosa.**

Mencari Rakan dan Wanita yang Thiqah

Mencari Rakan dan Wanita yang Thiqah

- Carilah rakan-rakan dan teman:
  1. Sesuai dan boleh diharap
  2. Cenderung kepada kebajikan
  3. Dapat membantu menyempurnakan ibadah

- Sabda Nabi S.A.W.:

> "Sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap temannya dan sebaik-baik tetangga di sisi Allah ialah orang yang terbaik terhadap tetangganya."
>
> (Hadis Riwayat Hakim)

KEIZINAN SUAMI

Wanita Dalam 'Iddah


- TALAQ RAJI'E (talak satu dan talak dua) ialah talaq yang boleh dirujuk semula tanpa nikah dan mahar yang baru.
- Wanita yang dalam 'iddah TALAQ RAJI'E wajib memohon izin suaminya.
- TALAQ BA'IN ialah talaq yang tidak boleh dirujuk (talaq tiga) dan talaq wanita yang tidak pernah disetubuhi suami.
- Wanita yang dalam 'iddah TALAQ BA'IN tidak wajib memohon izin suaminya.

KEIZINAN SUAMI

Wanita Kematian Suami di Tanah Air

HARAM keluar rumah tanpa keperluan dan berhias

- Wajib baginya menangguhkan pemergian ke Tanah Suci dalam tempoh ‘iddah.
- Tempoh ‘iddah kematian suami 4 bulan 10 hari.



KEIZINAN SUAMI

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Wanita yang sedang ber'iddah kematian suami tidak dibenar menunaikan haji. Walau bagaimanapun, dia boleh meneruskan perjalanan haji sekiranya terbukti bayaran yang telah dilunaskan tidak dapat dikembalikan atau luput giliran menunaikan haji.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41.**

KEIZINAN SUAMI

Wanita Kematian Suami di Tanah Suci

HARUS meneruskan kerja Haji dan Umrah

- Kurangkan keluar-masuk hotel kecuali ada keperluan (hajat).
- Menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat haji dan umrah.
- Sekiranya bimbang dan tiada jaminan keselamatan kerana berseorangan, maka boleh menunaikan solat di Masjid al-Haram, dan mengikuti program yang disusun oleh Maktab.
- Perlu menjaga adab dalam ihdad, sentiasa bersama dengan perempuan yang thiqah (boleh dipercayai).

KEIZINAN SUAMI

IHDAD (Meninggalkan perhiasan sebagai tanda berkabung)

- Tidak memakai pakaian yang berwarna yang menarik perhatian.
- Tidak memakai emas dan permata.
- Tidak memakai wangian/bauan di badan dan pakaian.
- Tidak memakai celak di mata kecuali kerana hajat.
- Tidak memakai solekan yang boleh menarik perhatian.
- Tidak memakai inai.
- Tidak memakai minyak rambut dengan tujuan hiasan dan kecantikan.
- Tidak berlebih-lebihan di media sosial.

KESIMPULAN

1. Jemaah Haji mesti memelihara aurat dalam apa keadaan sekalipun.
2. Wanita wajib meminta izin suami sebelum menunaikan Haji dan Umrah.
3. Jemaah Haji Wanita hendaklah ditemani oleh mahram, suaminya atau wanita yang Thiqah (dipercayai).
4. Wanita yang dalam 'iddah kematian suami di Tanah Air tidak boleh menunaikan haji manakala wanita yang kematian suami di Tanah Suci boleh menunaikan haji.
5. Wanita yang diceraikan oleh suami dengan Talak Raji'e hendaklah mendapat izin dari suaminya, manakala Talak Ba'in tidak perlu meminta izin.